

19 JUN 1997

Abdullah-Erbakan (Bergambar)

PELETAKAN JAWATAN PERDANA MENTERI TURKI TIDAK JEJAS D-8, KATA PAK LAH

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Peletakan jawatan Perdana Menteri Turki Necmettin Erbakan tidak akan menjejaskan kedudukan Kumpulan Negara-Negara Membangun Islam (D-8), kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata, D-8 yang diilhamkan oleh Erbakan, akan terus berjalan "kerana yang terlibat bukan Erbakan tetapi lapan buah negara lain termasuk Turki".

Selain Turki, negara lain yang menganggotai D-8 ialah Malaysia, Bangladesh, Indonesia, Pakistan, Iran, Mesir dan Nigeria.

"Saya tahu pemimpin-pemimpin (lain) Turki turut menganggap D-8 adalah baik untuk mereka dan negara-negara yang terlibat.

"Kebaikan D-8 dalam memberi kerjasama yang lebih bermanfaat diterima baik oleh semua pihak dan juga kerajaan Turki," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan buku "Prophet Muhammad's Leadership: Altruistic Management" dan merasmikan Kompleks Latihan "Ujana Harmonis Resort" di Gombak di sini.

Erbakan, pemimpin dari parti Islam Turki yang pertama, meletak jawatannya Khamis di bawah satu rancangan untuk menyerahkan kuasa kepada rakan dalam kerajaan campuran, Tansu Ciller.

Kumpulan D-8 ditubuhkan bertujuan mengeratkan hubungan ekonomi antara negara anggota supaya ia lebih kuat dan berkesan dengan tidak membabitkan politik serta ideologi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara beberapa pemimpin negara anggota D-8 yang menghadiri sidang kemuncak kumpulan itu di Istanbul 15 Jun lepas.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Abdullah berkata dalam amalan demokrasi hari ini, pemimpin yang dipilih itu haruslah berwibawa.

"Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, kita perlu sentiasa tekun, cekap dan beramanah. Mudah-mudahan kita akan menjadi bangsa yang besar dan berwibawa," kata beliau.

Abdullah berkata semua "penyakit" berbahaya seperti rasuah dan dadah adalah barah masyarakat.

"Ia adalah berbahaya dan boleh menggugat negara. Penyakit-penyakit masyarakat perlu diperangi dan dibasmikan," kata beliau. -- BERNAMA

MHI AHH